

## **Konflik Politik Semasa Pemerintahan ‘Ali ibn Abi Talib**

*Nurul Abrar Md. Isa (Corresponding author)*

*Bintuummi95@gmail.com*

*Pusat Rantau Timur Tengah dan Nusantara, Fakulti Pengajian Islam*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Ermy Azziaty Rozali*

*ermy@ukm.edu.my*

*Pusat Rantau Timur Tengah dan Nusantara, Fakulti Pengajian Islam*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

### **Abstrak**

Pemerintahan ‘Ali ibn Abi Talib sebagai Khulafa’ al-Rasyidin yang keempat mempunyai signifikan yang tersendiri terhadap perkembangan Islam di dunia. Namun begitu, fasa pentadbiran beliau dipenuhi dengan konflik dan cabaran politik yang pelbagai sehingga mencetuskan fenomena politik yang *fundamental* dalam catatan sejarah. Makalah ini bertujuan untuk mengkaji akar konflik dalam konteks politik yang berlaku antara ‘Ali ibn Abi Talib dan semua pihak yang terlibat serta keupayaan dan kebijaksanaan beliau dalam mendepani masalah-masalah tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berteraskan kajian sejarah dan dianalisis menerusi pendekatan deskriptif dan tematik. Analisis kajian membuktikan bahawa akar konflik yang berlaku antara ‘Ali ibn Abi Talib dan rakyatnya adalah berpuncu daripada isu pembunuhan ‘Uthman ibn al-‘Affan serta Peristiwa Tahkim antara ‘Ali ibn Abi Talib dan Mu’awiyah ibn Abi Sufyan yang kemudiannya mencetuskan salah faham dan perbalahan dalam kalangan rakyat.

**Kata Kunci:** konflik, politik, pemerintahan, ‘Ali ibn Abi Talib

### **PENGENALAN**

Keistimewaan ‘Ali ibn Abi Talib berbanding khalifah-khalifah sebelumnya dapat dilihat berdasarkan proses pentarbiyan yang dilalui secara langsung daripada Rasulullah pada usia yang muda. Justeru, kewibawaan dan keperibadian beliau yang menjadi keunggulan Islam dalam catatan sejarah merupakan anugerah dan kelebihan yang diberikan oleh Allah dalam kehidupan beliau yang telah berdamping secara dekat dalam kehidupan Rasulullah. Namun, sejarah kehidupan beliau sebagai khalifah telah diuji dengan pelbagai cabaran sehingga memberi satu impak yang besar dalam sejarah umat Islam.

Persoalan besar yang timbul pada masa pemerintahan ‘Ali ibn Abi Talib apabila berlaku situasi masyarakat pada masa itu yang mana belum pernah terjadi pada masa khalifah sebelumnya. Pemerintahan Abu Bakar al-Siddiq adalah masa pembukaan wilayah dan terbentuknya *al-Dawlah al-Islamiyah*, manakala masa pemerintahan ‘Umar al-Khattab telah menyempurnakan misi tersebut. ‘Uthman ibn al-‘Affan pula memfokuskan pembentukan masyarakat Islam setelah terbangunnya peradaban dalam wilayah-wilayah tersebut.

Namun, fasa pemerintahan ‘Ali ibn Abi Talib telah bermula dengan suatu insiden yang besar dalam sejarah umat Islam yang telah mencetuskan konflik yang berpanjangan. Masa pemerintahan ‘Ali ibn Abi Talib yang hanya berlangsung selama empat tahun sembilan bulan ini diwarnai dengan ketidakstabilan politik. Beliau harus menghadapi pemberontakan ‘Aisyah binti Abu Bakar, Talhah ibn ‘Ubaydillah dan Zubayr ibn al-‘Awwam yang menuntut keadilan di atas pembunuhan ‘Uthman ibn al-‘Affan. Berbagai tindakan yang diambil oleh ‘Ali ibn Abi Talib menimbulkan perrusuhan dengan Mu’awiyah ibn Abi Sufyan dan keluarga Bani ‘Umayyah, dan dari satu golongan yang dahulunya mendukung beliau kemudiannya telah mengisytiharkan perang ke atas beliau yang akhirnya digelar sebagai puak Khawarij. Atas dasar permasalahan ini, maka penulis akan merungkai serta menjelaskan mengenai konflik

politik pada masa pemerintahan ‘Ali ibn Abi Talib dan strategi yang dilakukan untuk menangani konflik tersebut.

## BIOGRAFI ‘ALI IBN ABI TALIB

‘Ali ibn Abi Talib dilahirkan di Makkah, tepatnya di Kaabah, Masjidilharam, di kota kelahiran Bani Hashim pada hari Jumaat, 13 Rejab sekitar tahun 600 Masihi. Terdapat perbezaan pendapat mengenai tahun kelahiran beliau. Namun jika beliau dikatakan lahir 32 tahun selepas kelahiran Muhammad SAW, mungkin didasarkan pada catatan sejarah, yang pada umumnya menyebutkan beliau telah lahir pada tahun 570 Masihi (Audah, 2008: 27). Nama beliau ialah ‘Ali ibn Abi Talib (Abd Manaf) ibn Abdul Mutallib (Shaybah) ibn Hashim (‘Amr) ibn Abd Manaf (al-Mughirah) ibn Qusay (Zayd) ibn Kilab ibn Murrah ibn Ka'b ibn Lu'ay ibn Ghalib ibn Fihir ibn Malik ibn al-Nadr ibn Kinanah ibn Khuzaymah ibn Mudrikah ibn Ilyas ibn Mudar ibn Nizar ibn Ma'd ibn Adnan (Ibn Kathir, 1998: 343-344).

Beliau adalah bapa kepada Hasan dan Husayn dan digelar dengan nama Abu Turab dan Abu al-Qasim, beliau daripada keturunan Bani Hashim dan anak kepada bapa saudara Rasulullah SAW. Baginda SAW telah mengahwinkan beliau dengan puteri baginda Fatimah al-Zahra. Ibu ‘Ali bernama Fatimah binti Asad ibn Hashim ibn Abd Manaf ibn Qusay. Menurut riwayat, Fatimah merupakan wanita Bani Hashim yang pertama melahirkan seorang anak lelaki bagi Bani Hashim.

Justeru, ‘Ali adalah orang pertama dari kalangan Quraysh yang lahir dari ibu bapa yang berasal dari Bani Hashim. Sebelum itu keluarga Bani Hashim pada kebiasaan mereka menjalankan ikatan melalui perkahwinan dengan keluarga selain daripada kalangan mereka sendiri (Audah, 2008: 27). ‘Ali mempunyai tiga orang abang iaitu Talib, ‘Uqayl dan Ja’far. ‘Ali mempunyai dua orang saudara perempuan iaitu Ummu Hani dan Jumanah. ‘Ali adalah anak bongsu dari kedua ibu bapanya; Ja’far, ‘Aqil dan Talib lebih tua daripadanya, yang mana jarak antara setiap seorang daripada mereka adalah 10 tahun (al-‘Aqqad, 1966: 9). Mereka kesemuanya termasuk ‘Ali adalah daripada ibu yang sama iaitu Fatimah binti Asad, dan Fatimah ibu kepada ‘Ali ini telah memeluk Islam dan melakukan hijrah (Ibn Kathir, 1998: 344).

### Riwayat Hidup ‘Ali Ibn Abi Talib sebelum Menjadi Khalifah

Permulaan kehidupan ‘Ali ibn Abi Talib berdamping secara dekat dengan Rasulullah rentetan daripada kejadian musim kemarau yang telah menimpa kaum Quraysh. Maka atas saranan Rasulullah, kedua bapa saudaranya Hamzah dan ‘Abbas telah diminta untuk turut memikul beban Abu Talib dalam menghadapi kesulitan tersebut. Anak-anak Abu Talib telah dibahagikan jagaan mereka kepada beberapa orang. Hasil daripada peribincangan dan sukarela, ‘Uqayl tetap bersama Abu Talib, ‘Abbas mengambil Talib, Hamzah pula mengambil Ja’far manakala Nabi SAW telah mengambil ‘Ali di bawah jagaan baginda. Maka kejadian ini telah memberi satu pengaruh yang signifikan dalam fasa perkembangan kehidupan ‘Ali ibn Abi Talib (al-‘Aqqad, 1966: 10).

Sewaktu Allah mengutus baginda SAW utusan yang *Haq* (Islam), Khadijah binti Khuwailid dan seluruh ahli keluarga baginda termasuk ‘Ali terus memeluk Islam. Justeru, ‘Ali adalah antara orang yang paling awal memeluk Islam. Beliau memeluk Islam ketika berumur tujuh tahun. Namun begitu, terdapat banyak pendapat dalam menentukan umur beliau yang sebenar sewaktu memeluk Islam. Ada yang mengatakan lapan tahun dan sembilan tahun. Namun menurut pendapat Abd al-Razzaq, ‘Ali dikatakan orang yang pertama memeluk agama Islam daripada kalangan kanak-kanak; sama kedudukannya dengan Khadijah binti Khuwailid sebagai wanita pertama, Zayd ibn Harithah sebagai hamba pertama serta Abu Bakar al-Siddiq sebagai lelaki merdeka yang pertama memeluk Islam (Ibn Kathir, 1998: 344).

Pada usia yang masih muda, beliau telah banyak menyertai Rasulullah SAW dan membantu baginda. ‘Ali berhijrah ke Madinah selepas Rasulullah SAW keluar dari Kota

Makkah dan setelah menyelesaikan segala hutang serta mengembalikan barang-barang yang telah diamanahkan kepada beliau untuk menyimpankannya. Di Madinah, Rasulullah SAW telah mempersaudarakan beliau dengan Sahl ibn Hanif. ‘Ali telah menyertai Perang Badar dan beroleh *al-yad al-bayda’*. Beliau merupakan antara pahlawan yang menonjol dengan ketangkasan dan keberanian dalam perperangan itu sehingga Allah telah menyebut tentang beliau di dalam al-Qur'an (Ibn Kathir, 1998: 345) telah rujuk al-Qur'an Al-Hajj: 19). Rasulullah SAW pernah menyerahkan panji-panji kepada ‘Ali semasa Perang Badar, dan ketika itu beliau hanya seorang belia berumur 20 tahun.

‘Ali juga telah menyertai Perang Uhud dan dilantik sebagai pemegang panji-panji selepas Mus'ab ibn 'Umayr bagi tentera di sebelah kanan. ‘Ali telah berjuang berabis-habisan dan beliau berjaya menumpaskan ramai musuh. Beliau yang telah mencuci muka Nabi SAW yang dilumuri darah semasa baginda SAW mengalami luka-luka dan dua batang gigi manis baginda patah. Begitu juga dalam Perang Khandaq, beliau telah berjaya membunuh seorang pahlwan Arab yang berani lagi masyhur iaitu ‘Amr ibn ‘Abdud al-Amiri. ‘Ali juga turut menyaksikan Perjanjian Hudaybiyyah dan Bay'at al-Ridwan serta menyertai Perang Khaybar (Ibn Kathir, 1998: 346). Beliau telah memegang jawatan yang tinggi serta antara tokoh yang memainkan peranan penting dalam Perang Khaybar kerana baginda Nabi menyerahkan panji-panji yang beliau janjikan kepada Ali. Kota Khaybar berjaya dibuka di bawah tentera-tentera pimpinan beliau dan berjaya membunuh dan menewaskan ramai pahlawan-pahlawan Yahudi yang gagah berani.

Di samping itu, ‘Ali ibn Abi Talib juga turut serta dalam Pembukaan Makkah, Perang Hunayn dan Perang Ta'if dengan berjuang sepenuh berani dan berjaya membunuh serta menewaskan ramai tentera musuh. Rasulullah pernah melantik ‘Ali sebagai pemimpin di Madinah ketika baginda ingin pergi ke Tabuk. Baginda juga pernah melantik beliau sebagai gabenor dan hakim di Yaman disertai oleh Khalid al-Walid. Ketika Rasulullah menunaikan Haji al-Wida' dengan membawa binatang ternakan baginda untuk dijadikan sebagai korban, ‘Ali pada ketika itu turut sedia bersiap sedia berpakaian ihram dan membawa binatang ternakannya dan tetap di dalam ihram (Ibn Kathir, 1998: 347). Sewaktu Rasulullah wafat, ‘Ali merupakan antara mereka yang telah memandikan, mengkafarkan serta menguruskan pengebumian baginda SAW.

Tatkala Abu Bakar al-Siddiq di baiah sebagai khalifah dalam Peristiwa al-Saqifah, ‘Ali merupakan antara orang yang memberi baiah di masjid. Bagi beliau, Abu Bakar perlu dilayan sama seperti pemimpin-pemimpin sahabat yang lain dalam aspek ketaatan. Meskipun pernah terjadi perbezaan penafsiran antara ‘Ali dan Abu Bakar dari segi fikah berkenaan dengan tuntutan Fatimah atas tanah peninggalan Nabi di Khaybar (Audah, 2008: 145), namun ‘Ali telah pun memperbaharui pemberian taat setia (baiah) kepada Abu Bakar dan Allah telah meredhai kedua-dua mereka. Kemudian, setelah kematian Abu Bakar, ‘Ali juga telah memberi baiah kepada ‘Umar al-Khattab. Beliau sering bersama ‘Umar untuk membincangkan hal-hal pentadbiran bahkan ada pendapat mengatakan beliau telah dilantik sebagai qadi oleh ‘Umar. ‘Ali telah menyaksikan ‘Umar memberi ucapan di al-Jabiyyah dan pernah ke Sham bersama ‘Umar dan sekumpulan sahabat yang utama. Selepas ‘Umar ditikam, ‘Ali merupakan salah seorang daripada enam orang sahabat yang dilantik oleh ‘Umar sebagai Ahli Majlis Syura. ‘Ali kemudiannya memberi baiah dengan sepenuh ketaatan kepada ‘Uthman sehingga akhirnya berlaku peristiwa pembunuhan ‘Uthman (Ibn Kathir, 1998: 349; Khalid, 2005: 13).

### Keperibadian dan Kewibawaan ‘Ali ibn Abi Talib

Keperibadian dan kewibawaan ‘Ali khususnya dalam aspek kepimpinan sama ada di medan perang maupun dalam urusan pentadbiran adalah merupakan antara natijah daripada kecintaan beliau yang amat suci dan luhur kepada Allah dan Rasul-Nya serta keistimewaan yang dianugerahkanNya kepada ‘Ali. Salah satu daripadanya dapat dibuktikan menerusi sabda Rasulullah SAW, “Aku akan menyerahkan panji-panji esok (Perang Khaybar) kepada seorang lelaki yang amat mencintai Allah dan Allah serta Rasul-Nya amat mencintai beliau”. Para sahabat mula menyebut-nyebut tentang siapakah yang akan diserahkan panji-panji

tersebut. Pada keesokan harinya tahu lah mereka bahawa lelaki tersebut adalah ‘Ali ibn Abi Talib (Ibn Kathir, 1998: 346).

Selain dikenali dengan sifatnya yang zuhud penuh dengan kesederhanaan, beliau adalah seorang yang sarat dengan ilmu, tempat para sahabat terkemuka bertanya dalam masalah-masalah hukum, makna sesbuah ayat al-Quran, intipati ayat, asbab nuzul mahupun tafsirnya. Mereka juga meminta fatwanya dalam menghadapi perkara yang sulit. Dalam pengakuannya, Ibn ‘Abbas yang merupakan seorang pakar dan tokoh yang besar dalam Ilmu Tafsir juga pernah mengatakan, “*Dalam menafsirkan Qur'an saya belajar dari 'Ali ibn Abi Talib*” (Audah, 2008: 35-36). Ini menunjukkan pengiktirafan Ibn ‘Abbas yang merupakan seorang yang pakar dan ahli dalam pelbagai bidang ilmu terhadap kewibawaan ‘Ali dari sudut pengetahuan dan keilmuannya. Bahkan Eficandra (2012: 21-41) telah merungkai dengan amat terperinci tentang penerapan *maqasid al-shari'ah* dalam ijihad yang dilakukan oleh beliau yang dilihat daripada aspek-aspek yang bersifat holistik iaitu kemaslahatan agama, kemaslahatan jiwa, kemaslahatan akal, kemaslahatan harta dan kemaslahatan keturunan dalam menyelesaikan masalah hukum yang muncul dalam masyarakat.

Di samping kekuatan fizikal luar biasa yang dianugerahkan oleh Allah kepada ‘Ali, beliau adalah seorang yang amat berani sehingga beliau tidak merasa takut mahupun gerun dengan pihak lawan meskipun mereka yang dikatakan masyhur dengan keberanian dan kekuatan dari segenap segi. Ketika umur beliau yang masih muda, beliau berani menyahut seruan ‘Amr ibn Wud yang merupakan seorang pahlawan berkuda yang paling terkenal dan digeruni akan kepahlawannya di seluruh Semenanjung Arab pada Perang Khandaq. Meskipun Nabi pada ketika itu telah menyuruh beliau untuk tetap bersama dalam barisan sebanyak tiga kali, namun ‘Ali tetap yakin untuk menyahut seruan ‘Amr dan tampil ke hadapan musuhnya sehingga ‘Amr akhirnya tewas di tangan ‘Ali setelah pedang yang digunakan oleh ‘Ali mengenai kepalanya (al-‘Aqqad, 1966: 16-17). Tidak pernah dikenal hiasan keberanian yang lebih indah daripada sifat-sifat yang menjadi tabiat semulajadi ‘Ali, tanpa dipaksa mahupun dibuat-buat (al-‘Aqqad, 1966: 19).

Meskipun beliau amat masyhur dengan sifat semulajadi yang amat berani menentang musuh, namun beliau tidak memerangi mereka secara membuta tuli bahkan dengan penuh kebijaksanaan dan kewibawaan yang tidak didasari oleh nafsu dan semangat semata-mata. Beliau pada awalnya tidak berniat untuk menumpahkan darah ‘Amr ibn Wud melainkan setelah menawarkan kepadanya untuk menghentikan perang terhadap kaum Muslimin dan menerima Islam. Apabila ‘Amr menolak tawaran tersebut, maka tiada jalan lain melainkan ‘Ali membunuhnya atau ‘Ali yang terbunu di tangan ‘Amr (al-‘Aqqad, 1966: 20). Hal ini menunjukkan bahwasanya ‘Ali meletakkan keutamaan terhadap Allah dan Rasul dalam setiap sudut dan ruang yang boleh dicapai hatta di medan perang yang mempertaruhkan nyawa beliau sendiri untuk menyampaikan Islam. Begitu juga akhlak yang beliau tonjolkan apabila beliau tidak akan memerangi puak Khawarij selagi mana tiada berita mereka akan memerangi beliau meskipun puak Khawarij secara terang-terangan amat membenci dan menolak kedudukan beliau sebagai seorang sahabat dan khalifah bahkan sebagai seorang muslim.

## SITUASI UMAT ISLAM PASCA PEMBUNUHAN ‘UTHMAN IBN AL-‘AFFAN

‘Umar ibn al-Khattab telah membentuk Majlis Syura yang terdiri daripada enam orang sahabat iaitu ‘Uthman ibn al-‘Affan, ‘Ali ibn Abi Talib, Talhah ibn Ubaydillah, Zubayr al-‘Awwam, ‘Abd al-Rahman ibn ‘Awf dan Sa’d ibn Abi Waqqas. Daripada enam orang ini, seorang akan dibaiah menjadi khalifah yang bakal menggantikan beliau. Selepas peristiwa pembunuhan ‘Umar, akhirnya ‘Uthman ibn al-‘Affan dilantik menjadi khalifah dan ‘Ali adalah antara golongan yang awal akur dan patuh kepada pemberian ‘Uthman (Ibn Kathir, 1998: 349).

Pergelutan politik yang berlaku di era pemerintahan ‘Uthman ini merupakan puncak yang disebut dengan *al-Fitnah al-Kubra* (bencana besar) dalam kalangan umat Islam (Abdul Karim, 2015: 98). Umat Islam berpecah kepada tiga golongan iaitu pertama yang berpihak

kepada ‘Ali ibn Abi Talib, kedua pula ialah golongan yang berpihak kepada Mu‘awiyah ibn Abi Sufyan manakala yang ketiga ialah golongan yang bersifat neutral kerana mengambil jalan pertengahan untuk tidak memihak kepada salah satu dari dua golongan tersebut. Meskipun dua golongan pertama memiliki pengikut yang ramai, namun golongan yang ketiga lebih bersifat majoriti penduduk. Antara para sahabat yang tergolong dalam golongan ketiga ini adalah ‘Abdullah ibn Umar, Sa‘d ibn Malik, Sa‘d ibn Abi Waqqas, Muhammad ibn Maslamah dan Usamah ibn Zayd (al-Shahrastani, 2006: 136-137).

Masalah kepemimpinan adalah masalah politik, masalah menentukan individu yang akan memimpin umat. Terbunuhnya ‘Uthman ibn al-Affan adalah disebabkan oleh masalah politik juga. Kelompok pemberontak yang tidak senang dengan para gabenor yang dilantik oleh ‘Uthman dan kebijaksanaannya menuntut agar khalifah ketiga itu meletakkan jabatan, tetapi Uthman enggan melakukannya. Keengganan ‘Uthman melakukan tuntutan kelompok tersebut membuatkan mereka marah dan akhirnya beliau terbunu di rumah ketika sedang membaca al-Qur`an (Abu Zahrah, 1997: 26-29). Natijahnya, kematian ‘Uthman telah menyebabkan huru hara dalam kalangan kaum muslimin yang menyebabkan banyak jiwa yang terkorban dalam kalangan pemuda muslim. Pembunuhan yang bermotif politik atas diri ‘Uthman memberi impak yang panjang terhadap sejarah Islam sesudahnya, yang kemudian membuka pintu perpecahan antara kaum Muslimin (Nasution, 1986: 6).

### **Pembahaian ‘Ali Ibn Abi Talib sebagai Khalifah**

Menurut pendapat yang masyhur, selepas peristiwa pembunuhan ‘Uthman berlaku pada hari Jumaat bersamaan 18 Dzulhijjah tahun 35 Hijrah, orang ramai mula mengerumuni ‘Ali dan memberi baiah kepada beliau sebelum jenazah Uthman dikebumikan meskipun ada pendapat yang berbeza mengatakan pembahaian tersebut berlaku selepas pengebumian Uthman. Namun begitu, pembahaian ‘Ali tidak berlaku secara serta merta. Pada awalnya, ‘Ali enggan menerima desakan orang ramai termasuklah Zubayr ibn al-‘Awwam dan Talhah ibn Ubaydillah supaya beliau diangkat menjadi khalifah sehingga beliau melarikan diri daripada mereka ke rumah Bani ‘Amr ibn Mabdul (Ibn Kathir, 1998: 349).

Meskipun al-Mas‘udi berpendapat bahawa ‘Ali telah dibaiah pada hari pembunuhan ‘Uthman (al-Mas‘udi, 1966: 557), namun bersumberkan daripada Sayf ibn ‘Umar daripada para guru beliau bahawa Madinah masih belum mempunyai khalifah pada hari kelima setelah pembunuhan ‘Uthman berlaku. Lanjutan itu, Madinah hanya dipegang oleh al-Ghafiqi ibn Harb yang bertanggungjawab mencari pengganti ‘Uthman yang akan menerajui kepimpinan umat Islam kerana kestabilan situasi umat Islam pasca pembunuhan ‘Uthman berada pada tahap yang membimbangkan. Hal ini kerana para penduduk di wilayah-wilayah seperti Mesir, Kufah dan Basrah beramai-ramai menunjukkan reaksi yang agresif terhadap empat orang anggota Majlis Syura yang pernah dilantik oleh ‘Umar al-Khattab iaitu ‘Ali Abi Talib, Talhah ibn ‘Ubaydillah, Zubayr al-‘Awwam dan Sa‘d ibn Abi Waqqas (Ibn Kathir, 1998: 350).

Pada tahun 35 Hijrah, penduduk Mesir begitu mendesak ‘Ali supaya mengambil alih jawatan khalifah namun beliau menolaknya lalu mengelakkan diri daripada mereka dengan pergi ke al-Hitan. Sementara itu, apabila Zubayr ibn al-‘Awwam menolak permintaan penduduk Kufah manakala Talhah ibn ‘Ubaydillah tidak menerima desakan penduduk Basrah agar mereka diangkat sebagai khalifah, ketiga-tiga penduduk tersebut menuju kepada Sa‘d Abi Waqqas dan menggesa beliau untuk menerima jawatan khalifah dengan alasan beliau adalah salah seorang daripada anggota Majlis Syura namun beliau juga menolaknya begitu juga Ibn ‘Umar (Ibn Kathir, 1998: 350).

Mereka akhirnya kembali menemui ‘Ali dan umat Islam telah bersepakat melantik ‘Ali sebagai khalifah. Menurut penduduk Kufah, al-Ashtar al-Nakha'i adalah orang pertama memberi baiah kepada ‘Ali pada hari Khamis bersamaan dengan 24 Dzulhijjah kemudian diikuti oleh Zubayr, Talhah (Hasan, 2006: 508) dan beberapa orang sahabat beramai-ramai memberi baiah (al-Salabi, 2008: 219) sebelum ‘Ali memberikan khutbah pertama beliau di atas mimbar pada hari Jumaat 25 Dzulhijjah. Dengan peristiwa baiah itu, maka ‘Ali ibn Abi

Talib telah menjadi khalifah yang keempat bagi umat Islam pada masa itu (Ibn Kathir, 1998: 350).

## KONFLIK ANTARA ‘ALI IBN ABI TALIB DENGAN ‘AISYAH BINTI ABU BAKAR RA

‘Aisyah binti Abu Bakar RA yang selesai menunaikan umrah menangguhkan kepulangannya setelah mendengar berita pembunuhan ‘Uthman ibn al-‘Affan. Pada masa yang sama, ‘Aisyah RA telah mendapat berita pemberitaan ‘Ali sebagai khalifah yang menggantikan ‘Uthman melalui seorang sahabat yang bernama ‘Ubaydillah ibn Salamah al-Laysi (*Ensiklopedi Islam*, 1993: 94). ‘Aisyah RA yang merupakan antara tokoh yang mempunyai analisis yang tajam terhadap teks-teks al-Qur'an amat kesal dengan peristiwa pembunuhan Uthman yang berlaku di Tanah Haram dan pada bulan haram (Ibn Kathir, 1998: 350) lantas menuntut hal yang sama seperti Mu'awiyah ibn Abi Sufyan, supaya ‘Ali ibn Abi Talib menghukum pembunuh ‘Uthman bin al-‘Affan (Zainudin & Mustaqim, 2008: 90).

Meskipun pada awalnya terdapat beberapa orang yang mencadangkan untuk memulakan perjalanan ke Sham dan Basrah, namun setelah mendapat kedudukan Mu'awiyah yang telah kukuh di Sham manakala perjalanan ke Basrah telah ditegah oleh ‘Abdullah ibn ‘Umar, maka angkatan ‘Aisyah RA telah bersepakat untuk pergi ke Madinah. Lantas, Ya’la ibn Umayah menafkahkan 600 ekor unta dan 600,000 dirham manakala Ibn Amir turut membelanjakan harta yang banyak kepada angkatan Hafsah binti ‘Umar dan ‘Aisyah RA untuk berangkat ke Madinah bagi menuntut bela atas kematian ‘Uthman sekaligus bertemu dengan ‘Ali ibn Abi Talib. Terdapat 1,000 orang penunggang kuda yang mengiringi ‘Aisyah RA beserta penduduk-penduduk Makkah, Madinah dan gabungan tentera yang lain yang mencecah sehingga 30,000 orang tentera. Namun, ‘Aisyah RA serta beberapa orang tentera yang lain telah berpisah dengan *Ummahat al-Mukminin* yang lain di Dhat ‘Irq dan meneruskan perjalanan mereka ke Basrah (Ibn Kathir, 1998: 350).

Setibanya angkatan ‘Aisyah RA di desa Hafir, rombongan Talhah ibn ‘Ubadillah dan Zubayr al-‘Awwam juga turut berada di sana bahkan memiliki niat yang sama seperti Aisyah (Yunus, 2016: 80 telah rujuk Watt, 1999: 13). Justeru, situasi ini telah membentuk sebuah angkatan yang lebih besar untuk menuntut bela pembunuhan Uthman. Meskipun pada awalnya, Imran ibn Husayn dan Abu Aswad zl-Du’ali sebagai utusan yang dihantar oleh Gabenor Basrah, ‘Uthman ibn Hunayf telah melakukan rundingan dengan angkatan tentera ‘Aisyah RA, Talhah ibn ‘Ubaydillah dan Zubayr ibn al-‘Awwam, namun akhirnya tidak mendatangkan apa-apa solusi. Maka, setelah mendapat berita akan situasi yang berlaku, sebuah pasukan tentera telah dibentuk dan dipimpin oleh ‘Uthman ibn Hunayf untuk menghadapi angkatan tentera ‘Aisyah RA, Talhah ibn ‘Ubaydillah dan Zubayr ibn al-‘Awwam (Tarikuddin, 2010: 841-842).

Tentera ‘Aisyah RA yang sudah meneruskan perjalanan mereka ke Marbad, telah membuatkan penyokong-penyokong beliau yang berada di Basrah keluar menyertai angkatan tersebut. Maka, tentera ‘Uthman ibn Hunayf pula tiba di Marbad untuk bersemuka dengan mereka. Talhah ibn ‘Ubaydillah yang berada di bahagian sayap kanan telah memulakan percakapan bagi menyuarakan keinginan untuk menuntut bela kematian ‘Uthman ibn al-‘Affan dan kemudian diikuti oleh Zubayr ibn al-‘Awwam. Ucapan mereka berdua dibalas oleh beberapa orang dari pihak ‘Uthman ibn Hunayf sebelum ‘Aisyah RA menyampaikan pidato. Setelah berbalas-balas ucapan, mereka menghentikan perbuatan tersebut dan pulang ke kubu masing-masing. Peperangan sengit mula berlaku apabila Hakim ibn Jabalah telah melakukan serangan mengejut ke atas tentera ‘Aisyah RA yang berlarutan sehingga waktu malam dan berlanjutan sehingga keesokan paginya. Bilangan tentera yang terkorban dan cedera daripada pihak ‘Aisyah RA dan Ibn Hunayf boleh dikatakan sama banyak. Maka setelah peperangan dirasakan tidak memberi apa-apa solusi melainkan kesengsaraan, mereka bercadang untuk berdamai (Ibn Kathir, 1998: 360-361).

Sementara itu, ‘Ali ibn Abi Talib telah membatalkan hasratnya ke Sham dan menuju ke Basrah apabila mengetahui kemaraan tentera ‘Aisyah, Talhah dan Zubayr ke sana. ‘Ali

lantas mara dari Madinah ke Basrah bersama beberapa orang para pembesar dari kalangan sahabat seperti Abu al-Haytham ibn al-Tihan, Abu Qatadah al-Ansari, Ziyad ibn Hanzalah dan Khuzaymah ibn Thabit beserta bala tenera dan kelengkapan perang. Namun, beliau tidak membiarkan Makkah dan Madinah tanpa pengganti kerana beliau telah melantik Tamam ibn 'Abbas menjadi khalifah di Madinah manakala Qathm ibn 'Abbas di Makkah (Ibn Kathir, 1998: 363). Tindakan ini bahkan menggambarkan kebijaksanaan dan keprihatinan 'Ali Abi Talib dalam memelihara kestabilan politik kedua-dua kota tersebut sepeninggalan beliau ke Basrah.

'Ali ibn Abi Talib merasakan bahawa beliau perlu menghalang kedatangan tentera 'Aisyah RA, Zubayr ibn al-'Awwam dan Talhah ibn 'Ubaydillah ke Basrah sebelum Mu'awiyah dan penyokongnya di Sham bergabung dengan pasukan di Basrah. Hal ini kerana pada ketika itu, majoriti penduduk Kufah dan Madinah berpihak kepada 'Ali ibn Abi Talib, manakala Basrah pula berada di pihak 'Aisyah RA, Talhah ibn 'Ubaydillah dan Zubayr ibn al-'Awwam (al-Quraybi, 2009: 819). 'Ali ibn Abi Talib kemudian menghantar utusan 'Abdullah ibn 'Abbas manakala Talhah dan Zubayr pula menghantar Muhammad ibn Tulayyah al-Sajjad sebagai langkah terakhir untuk mencari perdamaian. Suasana di kedua-dua belah pihak beransur reda pada malam tersebut (Ibn Kathir, 1998: 373).

### Perang Jamal

Rentetan daripada perdamaian yang berlaku antara pihak 'Ali ibn Abi Talib dengan pihak 'Aisyah RA, Talhah ibn 'Ubaydillah dan Zubayr ibn al-'Awwam, para pembunuhan 'Uthman ibn al-'Affan berasa bimbang perdamaian tersebut akan mensyaratkan penegakan hukum atas kejahatan mereka. Untuk menjayakan juga peperangan tersebut, seramai 2,000 orang lelaki telah menyusup masuk ke dalam kediaman kedua-dua belah pihak dan menyerang mereka dengan pedang sebelum terbit fajar. Lanjutan itu, berlaku salah faham di pihak 'Aisyah RA yang menyangka mereka diserang oleh tentera Kufah manakala pihak 'Ali ibn Abi Talib pula medapati mereka diserang oleh tentera Basrah. Masing-masing pihak menyangka bahawa pihak lawan mereka telah melanggar persepakatan damai (Ibn Kathir, 1998: 373).

Sehubungan dengan itu, tercetuslah peperangan di antara dua belah pihak pada bulan Jamadilakhir tahun ke-36 Hijrah yang dikenali dengan nama Perang Jamal. Dinamakan demikian kerana 'Aisyah RA telah menyertai perang tersebut dengan membawa seekor unta (*jamal*) beserta 30,000 orang tentera manakala tentera di pihak 'Ali ibn Abi Talib pula berjumlah 20,000 orang. Tentera Basrah berjuang berhabis-habisan melindungi 'Aisyah RA dan unta yang ditungganginya sehingga mengorbankan ramai tentera lantas 'Ali ibn Abi Talib memerintahkan agar unta tersebut diserang dari bahagian belakang lalu rebah. Perang berakhir dengan kemenangan di pihak 'Ali ibn Abi Talib dan terbunuhnya Talhah ibn 'Ubaydillah, Muhammad ibn Talhah, Zubayr ibn al-'Awwam serta mencatatkan sehingga 10,000 orang yang terkorban dari kedua-dua belah pihak. 'Ali ibn Abi Talib telah mengirimkan unta-unta untuk ditunggangi, bekal dan kelengkapan termasuk 40 orang wanita Basrah serta saudara kandung 'Aisyah RA, Muhammad ibn Abu Bakar untuk menyertai kepulangan 'Aisyah RA ke Madinah. Kepulangan 'Aisyah RA ini justeru mengakhiri Perang Jamal (al-Quraybi, 2009: 820-821).

Menurut Ibn Hajar al-'Asqalani, tindakan 'Aisyah RA yang diikuti oleh Zubayr ibn al-'Awwam dan Talhah ibn 'Ubaydillah dalam Perang Jamal ini dimaafkan kerana beliau melakukan interpretasi ayat tentang perintah qisas. Tujuan mereka bertiga adalah untuk mendamaikan umat Islam dan menegakkan qisas bagi para pembunuhan 'Uthman ibn al-'Affan. Manakala 'Ali ibn Abi Talib pula berperanan sebagai seorang khalifah yang ingin memelihara kestabilan politik, mencegah konflik internal dan meminta kaum kerabat 'Uthman ibn al-'Affan menegakkan qisas terhadap mereka yang terbukti membunuhi 'Uthman (al-Quraibi, 2009: 810).

## PERANG SIFFIN

Selepas berakhirnya Perang Jamal, fokus ‘Ali ibn Abi Talib beralih pula kepada konflik yang berlaku antara beliau dan Mu’awiyah. Mu’awiyah juga berhasrat untuk menuntut bela di atas pembunuhan ‘Uthman dengan menunjukkan sikap enggan memberi baiah terhadap ‘Ali ibn Abi Talib melalui perutusan yang dihantar melalui Jarir ibn ‘Abd Allah. Bukan sahaja Mu’awiyah, orang kanannya ‘Amr ibn al-‘As serta pembesar-pembesar di Sham juga enggan mengiktiraf dan memberi baiah terhadap ‘Ali sebagai khalifah (Ibn Kathir, 1998: 395).

Meskipun begitu, ‘Ali ibn Abi Talib terus menulis surat kepada Mu’awiyah untuk membincangkan beberapa perkara lantas dijemput oleh Mu’awiyah untuk menemuinya. Setelah itu, ‘Ali ibn Abi Talib keluar dari Kota Kufah menuju Sham dengan menyediakan tentera di al-Nakhilah serta melantik Amir al-Badri menjadi pengganti beliau di Kufah. Beliau juga telah menghantar Ziyad ibn al-Nadr al-Harithi memimpin 8,000 orang tentera di barisan hadapan manakala Ziyad pula diiringi oleh Shurayh ibn Hani yang memimpin 4,000 orang tentera. Setelah mengetahui kemaraan ‘Ali ibn Abi Talib ke Sham, Amru al-‘As telah menggunakan kebijaksanaannya dengan memberi ucapan di khalayak umum tentang pembunuhan ‘Uthman ibn al-‘Affan yang perlu dituntut bela serta menaikkan semangat penduduk Sham sekaligus bertujuan untuk menentang ‘Ali ibn Abi Talib (Ibn Kathir, 1998: 397).

Sebenarnya ketika ‘Ali keluar dari kota Kufah, Mu’awiyah juga telah keluar dari kota Damsyik untuk menyekat kemaraan ‘Ali dan angkatan tenteranya. Kemaraan kedua-dua belah pihak tersebut lantas menemukan mereka di suatu tempat bernama Siffin yang terletak bersebelahan dengan Sungai Furat. Peristiwa ini berlaku pada bulan Dzulhijjah tahun ke-36 H (al-Quraybi, 2009: 836) dan mula berperang pada permulaan bulan Safar tahun berikutnya iaitu 37 Hijrah (al-‘Asqalani). Di sana, berlakunya perbalahan antara Mu’awiyah dan ‘Ali untuk menguasai Sungai Furat sebagai strategi peperangan sekaligus menjadi saluran bekalan air yang ampuh bagi angkatan tentera yang menyertai peperangan. Setelah perbalah tersebut selesai, rentetan daripada toleransi yang diberikan oleh ‘Ali kepada Mu’awiyah dan tenteranya untuk mendapatkan air dari Sungai Furat, ‘Ali sekali lagi telah menghantar Panglima Bashir ibn ‘Amr untuk mengadakan rundingan dengan pihak Mu’awiyah. Namun begitu, rundingan tersebut tidak dapat mencapai kata putus. Setelah hampir berlalu bulan Muharram tahun ke-37 Hijrah, datanglah jawapan dari pihak Mu’awiyah bahawa pihaknya tidak akan memberi baiah kepada ‘Ali, bahkan sebaliknya ‘Ali yang perlu memberi baiah kepada Muawiyah. Hal ini bahkan mencabar kedudukan ‘Ali sebagai khalifah (Tarikuddin, 2010: 874).

Maka peperangan mula berlaku pada hari pertama, pasukan ‘Ali yang dipimpin oleh Asytar berhadapan dengan tentera Sham yang dipimpin oleh Habib ibn Maslamah manakala pada hari kedua tentera ‘Ali dipimpin oleh Hashim ibn ‘Utbah yang berhadapan dengan Abu al-A’war di pihak Mu’awiyah. Pertempuran yang berlaku siang dan malam ini sampai ke puncaknya apabila pada hari ketiga, setelah mendapat tekanan yang dahsyat dari segenap penjuru, tentera Mu’awiyah menjadi semakin lemah sehingga akhirnya ‘Amr al-‘As telah mencadangkan agar pasukannya mengangkat mushaf sebagai tanda pertempuran harus dihentikan. Peperangan ini akhirnya mengorbankan ramai tentera di kedua-dua belah pihak termasuk ‘Ammar ibn Yasir, Hasyim ibn ‘Utbah serta putera ‘Umar al-Khattab iaitu ‘Ubaydillah (Audah, 2008: 260-261). Setelah mengikat perjanjian sementara dengan pihak Mu’awiyah sementara menanti perjanjian sebenar dengan pihak Mu’awiyah, ‘Ali bersama angkatan tenteranya yang terkorban dan yang masih berbaki telah berangkat pulang ke Kota Kufah (Tarikuddin, 2010: 887).

## PERISTIWA AL-TAHKIM

Penduduk ‘Iraq dan Sham telah bersetuju untuk menyelesaikan kemelut berterusan yang melanda dengan inisiatif Majlis Tahkim selepas beberapa siri perbincangan yang tidak

mendatangkan solusi antara dua pihak. Majlis Tahkim ini mewakilkan seorang lelaki daripada kedua-dua belah pihak. Seorang daripada ‘Ali dan seorang daripada Mu‘awiyah . Kedua-dua wakil ini mencapai kata sepakat demi kepentingan kaum muslimin seluruhnya. Dengan itu, Mu‘awiyah menghantar wakilnya, ‘Amr al-‘As manakala ‘Ali menghantar Abu Musa al-Ash‘ari (Ibn Kathir, 1998: 427).

Abu Musa al-Ash‘ari telah dipilih menjadi wakil ‘Ali hasil desakan yang kuat daripada al-‘As ibn Qays yang disokong oleh kumpulan al-Qurra’ (al-Baladhuri, 1996: 108). Bagaimanapun, pemilihan ini jelas bertentangan dengan pendapat ‘Ali yang lebih cenderung memilih Ibn ‘Abbas atau al-Ashtar sebagai wakilnya. Maka pada hari Rabu, 13 Safar tahun ke-37 Hijrah, kedua-dua hakim daripada pihak ‘Ali dan Mu‘awiyah telah membuat keputusan untuk membahas dan memibncangkan isu tersebut di Dumat al-Jandal pada bulan Ramadan tahun yang sama (al-Tabari, 1988: 102).

‘Ali menghantar 400 tentera berkuda di bawah pimpinan Shurayh ibn Hani’ bersama ‘Abd Allah ibn ‘Abbas dan Abu Musa al-Ash‘ari manakala Mu‘awiyah pula menghantar ‘Amru al-‘As yang diiringi oleh ‘Abd Allah ibn ‘Umar beserta 400 tentera berkuda penduduk Sham. Apabila ‘Amru dan Abu Musa sebagai hakim bertemu, mereka berbincang dan bertukar-tukar pendapat untuk menilai segala segi dan aspek, kemudian barulah mereka bersetuju untuk melucukan jawatan ‘Ali dan Mu‘awiyah terlebih dahulu. Apabila Abu Musa menolak cadangan ‘Amr supaya anaknya ‘Abd Allah ibn ‘Amr dilantik sebagai khalifah manakala ‘Amru al-‘As juga menolak cadangan Abu Musa agar ‘Abd Allah ibn ‘Umar dilantik menjadi khalifah yang baru, maka urusan pemilihan khalifah telah diserahkan kepada syura (budi bicara) kaum Muslimin sama ada ‘Ali atau Mu‘awiyah yang akan dipilih semula mahupun selain daripada mereka berdua (Ibn Kathir, 1998: 439).

Menurut riwayat sejarah yang masyhur seperti yang dicatatkan oleh al-Tabari, Ibn al-Athir dan lain-lain, wakil Mu‘awiyah iaitu ‘Amr al-‘As telah memperdayakan Abu Musa al-Ash‘ari dengan meminta Abu Musa berucap terlebih dahulu mengisyiharkan perlucutan ‘Ali dan Mu‘awiyah sebagaimana yang telah disepakati berdua. Setelah itu ‘Amru al-‘As berucap memperakui perlucutan jawatan yang dibuat oleh Abu Musa al-Ash‘ari dengan melucutkan jawatan ‘Ali tetapi mengekalkan jawatan Mu‘awiyah (al-Tabari 1988:113). ‘Amr berpendapat bahawa Mu‘awiyah adalah wali yang sah serta mempunyai hak menjadi pengganti ‘Uthman sebagai khalifah sekaligus menuntut bela atas kematian ‘Uthman (Tarikuddin, 2010: 907-908).

Menurut Ibn Jarir, kekacauan berlaku apabila Shurayh ibn Hani’ yang berada di barisan hadapan tentera ‘Ali telah menyerang ‘Amr dan dibalas oleh ‘Abd Allah ibn ‘Amr sekaligus membawa kepada perpecahan dan kacau bilau umat Islam seluruh wilayah pada ketika itu. Setelah itu, ‘Amr telah kembali kepada Mu‘awiyah manakala Abu Musa telah pulang ke Makkah. Rentetan peristiwa al-Tahkim yang berlaku, maka jawatan khalifah telah disandang oleh Mu‘awiyah (Ibn Kathir, 1998: 440-441).

Jika difahami secara teliti konflik yang berlaku antara ‘Ali ibn Abi Talib, Mu‘awiyah ibn Abi Sufyan, Aisyah RA, Talhah ibn ‘Ubaydillah dan Zubayr ibn al-Awwam, tindakan ‘Ali sebagai khalifah bermaksud memulihkan kestabilan wilayah terlebih dahulu. Selepas itu, barulah penyelidikan dan penyiasatan terhadap pembunuhan ‘Uthman ibn al-Affan boleh dilakukan secara giat. Berbeza dengan Mu‘awiyah ibn Abi Sufyan yang berpandangan bahawa segala sesuatu perlu dimulakan dengan penegakan hukum iaitu hukuman qisas terhadap pembunuhan ‘Uthman ibn al-Affan.

Di samping itu, Mu‘awiyah juga melihat bahawa pemberian ‘Ali ibn Abi Talib belum mengikat dirinya untuk patuh dengan pemerintahan pusat. Menurutnya, pemberian tersebut tidak melalui proses persepakatan *ahl al-hal wa al-aqd* sebagai wakil pemegang autoriti. Bahkan menurutnya lagi, tidak mengambil pendapat para sahabat yang lebih senior seperti Zayd ibn Thabit dan Usamah ibn Zaid serta anggota syura seperti Sa‘d ibn Abi Waqqas. Melalui situasi ini, dapat dikenal pasti bahawa para sahabat termasuk ‘Ali ibn Abi Talib kesemuanya bersepakat tentang perlunya penegakan hukum bagi para pembunuhan ‘Uthman ibn al-Affan. Namun yang menjadi perbezaan di antara mereka ialah soal waktu, sama ada penegakan hukum yang perlu didahlukan atau ditangguhkan sehingga waktu yang paling sesuai (al-Quraybi, 2009: 822).

Hakikat yang perlu dakui secara terbuka adalah sebarang konflik atau perselisihan yang timbul semasa Persitiwa Tahkim merupakan ijtihad para sahabat dan tabiin kerana peristiwa tersebut bersifat semasa dan memerlukan kepada pengamatan politik yang kritis, terperinci dan komprehensif (Nurazmallail, 2003: 91).

## KEMUNCULAN PUAK KHAWARIJ

Selepas ‘Ali ibn Abi Talib pulang daripada Perang Siffin di Sham dan kembali ke kota Kufah, beliau mendapati bahawa sebahagian daripada tenteranya telah mengasingkan diri dan enggan mentaati beliau. Ada yang berpendapat jumlah mereka seramai 16,000 atau 12,000 orang manakala yang lain berpendapat jumlah mereka adalah lebih kecil dari itu. Mereka telah mengisyiharkan keluar daripada mentaati ‘Ali bahkan mengingkari beberapa perkara. Maka mereka digelar sebagai puak Khawarij iaitu golongan yang keluar daripada mentaati ‘Ali. Namun, beberapa inisiatif dilakukan oleh ‘Ali bagi menangani masalah tersebut dengan menghantar ‘Abd Allah ibn ‘Abbas untuk menasihati and menjelaskan kedudukan yang sebenarnya bahawa yang berlaku hanyalah cerita-cerita rekaan daripada mereka sendiri. Bahkan, ‘Ali ibn Abi Talib sendiri telah mendekati mereka and berdebat tentang perkara-perkara yang dilontarkan oleh mereka kepada ‘Ali ibn Abi Talib. Rentetan inisiatif yang dilakukan oleh ‘Ali, beberapa orang dalam kalangan mereka telah kembali menyokong ‘Ali and kembali ke Kufah bersama-sama beliau (Ibn Kathir, 1998: 433).

Walau bagaimanapun, ada sebahagian daripada mereka yang tetap dengan pendirian untuk menentang ‘Ali bahkan mereka juga turut membatalkan dan menyeleweng perjanjian yang pernah diikat bersama ‘Ali serta mengikat perjanjian yang lain sesama mereka di samping mengajak orang lain menyertai pertubuhan mereka (Ibn Kathir, 1998: 433). Puak Khawarij sekali lagi telah meninggalkan ‘Ali ibn Abi Talib dengan keluar beramai-ramai dari Kota Kufah menuju ke sebuah desa bernama Nahrawan kerana kecewa dengan ‘Ali yang menerima keputusan Majlis Tahkim and merasakan bahawa ‘Ali ibn Abi Talib telah menipu mereka. Mereka bertindak lebih agresif apabila mengeluarkan fatwa dengan menghukum ‘Ali ibn Abi Talib sebagai kafir kerana menyekutukan Allah, and begitu juga Mu’awiyah ibn Abi Sufyan bahkan juga merancang untuk melancarkan serangan bersenjata terhadap ‘Ali ibn Abi Talib (Tarikuddin, 2010: 895-896).

Menurut Shaliadi (2015:17), kelompok Khawarij ini menyalahkan ‘Ali ibn Abi Talib kerana telah berkompromi dengan pemberontak. Mereka melihat sikap ‘Ali tersebut telah melanggar ketentuan syariah. Lebih parah lagi, mereka turut mengkafirkan ‘Ali ibn Abi Talib kerana beranggapan beliau telah menyerahkan ketetapan hukum kepada manusia. Walhal menurut mereka hukum itu hanya milik Allah. Mereka berpendapat bahwa perkara yang terjadi antara ‘Ali ibn Abi Talib dan Mu’awiyah ibn Abi Sufyan seharusnya tidak boleh diputuskan oleh Tahkim iaitu yang diputuskan oleh manusia. Bagi mereka, keputusan hanya dari Allah dengan kembali kepada hukum-hukum yang ada dalam al-Qur'an (Nasution, 1986: 8&13). Untuk tuduhan ini, mereka berhujah dengan ayat al-Quran seperti berikut,

وَمَنْ لَمْ يَحْكُمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ

Maksudnya: Dan barang siapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan Allah, maka adalah mereka itu orang-orang yang kafir (Surah al-Maidah 5:44) (Hamka 1987).

Disebabkan mereka mengkafirkan ‘Ali ibn Abi Talib, maka mereka berpegang bahawa berjuang menghapuskan kekufturan adalah satu jihad yang wajib dilakukan oleh setiap Muslim. Namun demikian, mereka sebenarnya mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an yang berkenaan berdasarkan fahaman mereka sendiri yang dipimpin oleh ‘ulama' mereka sendiri iaitu ‘Abd Allah ibn Wahhab al-Rasibi (Tarikuddin, 2010: 914). Demikianlah mereka dinamakan Khawarij kerana mereka keluar dari pemerintahan ‘Ali ibn Abi Talib (al-Ash'ari, 1990: 207), mengingkari dan memerangi beliau (al-'Asqalani, 1997: 459; al-Khani, t.th.: 350-

351) meskipun telah disepakati oleh majoriti Muslim akan kedudukan beliau sebagai Khalifah (al-Shahrastani, 2006: 114).

Namun demikian, ‘Ali ibn Abi Talib tetap membiarkan mereka pergi ke Nahrawan setelah melakukan pelbagai inisiatif lantas mengeluarkan slogan terhadap kaum Khawarij iaitu, “*Kalau mereka diam, akan kami biarkan. Kalau mereka berbicara, akan kami jawab dengan hujah-hujah kami, dan kalau mereka merosak, mereka akan kami perangi*”. Meskipun puak Khawarij telah mengumpulkan kekuatan dengan mengutus surat kepada semua orang-orang Khawarij di Basrah, namun ‘Ali tidak bertindak secara terburu-buru memerangi mereka melainkan apabila mereka mencetuskan kekacauan secara terang-terangan terhadap golongan yang tidak bersefahaman dengan mereka (Tarikuddin, 2010: 895-896).

### Perang Nahrawan

Puak Khawarij telah melakukan rusuhan di sekitar Sungai Furat tempat kegiatan mereka dan memaksa para penduduk di sekitarnya menganut pegangan mereka bahkan telah bertindak membunuh orang-orang Islam yang menolak pegangan dan enggan menyertai kelompok mereka. Maka terjadilah pembunuhan di lembah Sungai Furat sehingga kaum perempuan dan juga kanak-kanak yang tidak berdosa juga terlepas daripada penyiksaan itu (Tarikuddin, 2010: 915).

Meskipun ‘Ali ibn Abi Talib menyatakan kemarahan terhadap tindakan kaum Khawarij yang telah menghukum beliau sebagai kafir kerana menerima Majlis Tahkim, membunuh ramai kaum Muslimin yang tidak bersefahaman dengan mereka, membuat kerosakan yang teruk lembah Sungai Furat serta membunuh ramai kaum Muslimin, namun beliau tidak segera memerangi mereka. Beliau masih terkenangkan persahabatan rapat yang terjalin serta jasa-jasa mereka dalam perjuangan menghadapi angkatan tentera ‘Aisyah RA, Talhah ibn ‘Ubaydillah dan Zubayr ibn al-Awwam pada tahun 36 Hijrah dahulu. Justeru, untuk menyatakan kasih sayang dan toleransi terhadap puak Khawarij, ‘Ali ibn Abi Talib telah menghantar seorang utusan dan merupakan seorang sahabat Nabi yang paling awal memeluk Islam iaitu ‘Abd Allah ibn Khabbab al-A’rat untuk mengajak mereka kembali ke jalan yang benar (Tarikuddin, 2010: 915).

Namun demikian, perkara sebaliknya berlaku apabila pembunuhan ‘Abd Allah ibn Khabbab yang dilakukan dengan amat kejam oleh puak Khawarij sekaligus mencabar kesabaran dan toleransi ‘Ali ibn Abi Talib. Lanjutan itu, ‘Ali lantas telah menggerakkan pasukannya dengan kekuatan seramai 70,000 orang menuju ke desa Harura’ bertujuan memerangi mereka. Bagaimanapun, kedua-dua pasukan telah bertemu di Nahrawan yang terletak di pinggir Sungai Dajlah apabila puak Khawarij yang telah mengetahui kemaraan tentera ‘Ali mula keluar dari Harura’ dan menuju ke Nahrawan (Tarikuddin, 2010: 916). ‘Ali telah meletakkan Hibr ibn ‘Adi di sebelah kanan, Shubayth Ruba’ dan Ma’qal ibn Qays di sebelah kiri, Abu Ayyub al-Ansari sebagai pemimpin tentera berkuda, Abu Qatadah al-Ansari memimpin tentera pejalan kaki manakala penduduk Madinah seramai 700 orang dipimpin oleh Qays ibn Sa’d ibn ‘Ubaidah (Ibn Kathir 1998:448).

Sebagai rundingan terakhir, ‘Ali ibn Abi Talib telah menawarkan jaminan perdamaian bagi golongan Khawarij yang pulang semula ke Kufah. Natijahnya, seramai 500 orang telah menerima tawaran tersebut manakala 1,800 orang yang berbaki tetap dengan pendirian bahawa mereka berada di pihak yang benar manakala selainnya adalah sesat lagi bidaah (Tarikuddin, 2010: 917). Ibn Kathir pula mengambil pendapat bahawa seramai 4,000 orang puak Khawarij telah menerima tawaran manakala yang tinggal hanya 1,000 orang atau kurang daripada itu (Ibn Kathir, 1998: 448).

Diriwayatkan oleh ahli-ahli sejarah Islam, pasukan puak Khawarij telah hancur lebur di medan Nahrawan dengan kehancuran yang tidak dapat bangkit lagi sebagai satu tenaga yang hebat. Di pihak kaum Khawarij yang terbunuh termasuk ketua-ketua mereka seperti Hurkus ibn Zuhayr al-Tamimi, ‘Abd Allah ibn Wahhab ar-Rasibi, Zayd ibn Sawhan al-Abadi dan ramai lagi manakala yang sempat menyelamatkan diri hanyalah sebilangan kecil (Tarikuddin, 2010: 918). Namun begitu, puak Khawarij yang berbaki tidak berhenti menyatakan perrusuhan dan

merancang pembunuhan terhadap golongan selain daripada mereka terutamanya tokoh-tokoh yang terlibat dalam Majlis Tahkim.

### Pembunuhan ‘Ali ibn Abi Talib

Ibn Jarir dan ulama-ulama sejarah telah menyatakan bahawa tiga orang daripada kalangan puak Khawarij iaitu ‘Abd al-Rahman ibn Muljam, al-Bark al-Tamimi dan ‘Amr ibn Bakr al-Tamimi telah berkumpul dan merancang untuk melakukan pembunuhan terhadap ‘Ali ibn Abi Talib bersama saudara-saudara mereka yang terdiri daripada penduduk Nahrawan. Di antara tiga orang tersebut, Ibn Muljam telah berperanan untuk membunuh ‘Ali ibn Abi Talib yang berada di Kufah manakala dua orang lagi merancang untuk membunuh Mu‘awiyah dan ‘Amru al-‘As (Ibn Kathir, 1998: 511).

Pada malam 17 Ramadhan tahun ke-40 Hijrah, ‘Ali ibn Abi Talib telah ditusuk oleh Ibn Muljam dengan menggunakan pedang menembusi kening dan dahinya ketika mengambil wudhu’ lalu rebah. Mughirah ibn Naufal pada ketika itu sempat melontar sebuah batu kepada Ibn Muljam lalu tersungkur dan menangkapnya. ‘Ali ibn Abi Talib yang ketika itu sangat tidak bermaya menyerahkan hukuman ke atas Ibn Muljam kepada orang ramai sekiranya beliau meninggal dunia. Meskipun beliau mengatakan hukuman setimpal adalah wajar dilaksanakan, namun memaafkan adalah lebih hampir kepada takwa. Selepas tiga hari daripada peristiwa tersebut, maka ‘Ali ibn Abi Talib telah meninggal dunia pada 20 Ramadhan tahun ke-40 Hijrah ketika berusia 63 tahun. Dengan kewafatan tersebut, maka pemerintahan ‘Ali ibn Abi Talib selama 4 tahun 9 bulan tersebut telah menandakan berakhirnya tumpuk pemerintahan oleh *Khulafa’ al-Rashidin* (Tarikuddin, 2010: 953-954).

### KESIMPULAN

Pemerintahan ‘Ali ibn Abi Talib dipenuhi dengan pelbagai konflik yang berlaku dalam dimensi politik dan pentadbiran. Hal ini kerana, ‘Ali mewarisi konflik yang telah wujud daripada pemerintahan sebelumnya sejak pemerintahan ‘Uthman ibn al-‘Affan. Maka, ‘Ali ibn Abi Talib menjawat jawatan sebagai khalifah dalam situasi rakyat yang kurang stabil. Konflik-konflik politik yang tercetus adalah disebabkan faktor sensitiviti hak dan keagamaan yang melibatkan isu pembunuhan ‘Uthman ibn al-‘Affan. Rentetan itu, pelbagai pihak mula berperanan dalam menangani isu tersebut dari perspektif dan cara masing-masing sehingga mencetuskan konflik yang amat rumit sekaligus melibatkan setiap lapisan rakyat. Maka, berbagai langkah dan strategi yang telah dilakukan ‘Ali ibn Abi Talib dalam rangka mendepani cabaran semasa menjalankan fasa pemerintahannya serta merupakan ijihad politik yang amat cemerlang.

Justeru, jika dianalisis dan difahami secara teliti konflik-konflik yang berlaku, ‘Ali ibn Abi Talib sebagai khalifah bermaksud memulihkan kestabilan segenap aspek yang sedang berlaku sebelum menjalankan penyelidikan dan penyiasatan terhadap pembunuhan ‘Uthman ibn al-‘Affan secara giat. Berbeza dengan Mu‘awiyah ibn Abi Sufyan, ‘Aisyah RA, Talhah ibn ‘Ubaydillah dan Zubayr ibn al-Awwam yang berpandangan bahawa segala sesuatu perlu dimulakan dengan penegakan hukum iaitu hukuman qisas terhadap pembunuh ‘Uthman. Melalui situasi ini, dapat dikenal pasti bahawa para sahabat termasuk ‘Ali kesemuanya bersepakat tentang perlunya penegakan hukum bagi para pembunuh ‘Uthman. Namun yang menjadi perbezaan di antara mereka ialah soal waktu, sama ada penegakan hukum yang perlu didahlukan atau ditangguhkan sehingga waktu yang paling sesuai dan efektif.

Maka, konflik yang berlaku lahir daripada perbezaan ijihad politik yang pelbagai dalam kalangan sahabat yang perlu dilihat dari perspektif yang lebih komprehensif. Dalam menangani puak Khawarij pula, ‘Ali telah menunjukkan toleransi yang tinggi yang disertakan dengan hikmah dan kebijaksanaan yang tinggi. Beliau sebagai khalifah menggunakan konsep ketegasan dan kelembutan yang bersifat dinamik dan efektif digunakan pada tempatnya dalam menangani konflik-konflik yang tercetus.

## RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.
- Abdul Karim. (2015). Tragedi Pembunuhan Khalifah Usman bin Affan: Melacak Sejarah Munculnya Aliran Teologi Dalam Islam. *Fikrah Jurnal Ilmu Aqidah dan Studi Keagamaan*. 3(1),79-100.
- Abdullah Yusof. (2007). Sumbangan 'Ali bin Abi Talib RA dalam Bidang Ulum al-Naqliyyah. *Jurnal Al-Tamaddun*. 2,113-137.
- Abu Zahrah, Al-Imam Muhammad. (1997). *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah*. Bayrut: Dar al-Marifah.
- Ahmad Zaini. (2015). Mengurai Sejarah Timbulnya Pemikiran Ilmu Kalam dalam Islam. *Esoterik Jurnal Akhlak dan Tasawuf*. 1(1),167-187.
- Audah, Ali. (2008). *'Ali ibn Abi Talib Sampai kepada Hasan dan Husain*. Terj. Jakarta: PT. Pustaka Litera AntarNusa.
- al-'Aqqad, Abbas Mahmud. (1966). *Abqariyyah al-Imam 'Ali*. t.tp: Mu'assasah Dar al-Hilal.
- al-'Asqalani, Ibn Hajar. (1997). *Hady al-Sharh Muqaddimah Fathul Bari*. Riyad: Dar al-Bayan.
- al-Ash'ari, Abu Hasan. (1990). *Maqalat al-Islamiyyin wa al-Akhta' al-Musallin*. Juz 1. Bayrut: Maktabah al-Asriyyah.
- al-Baladuri, Ahmad ibn Yahya ibn Jabir. (1996). *Ansab al-Ashraf*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Eficandra. (2012). *Maqasid al-Shari'ah : Suatu Kajian terhadap Ijtihad 'Ali ibn Abi Thalib*. *Ijtihad, Jurnal Wacana Hukum Islam dan Kemanusiaan*. 12(1),21-41.
- Ensiklopedi Islam. (1993). Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoeve.
- Fahmy Farid Purnama. (2016). Khawarijisme: Pergulatan Politik Sektarian dalam Bingkai Wacana Agama. *Al-A'raf Jurnal Pemikiran Islam dan Filsafat*. XIII(2),213-232.
- H. Bustami A. Gani & Zainal Abidin Ahmad. (1979). *Ketaqwaan Khalifah 'Ali ibn Abi Talib*. Jakarta: Penerbit N.V Bulan Ibntang.
- Hamka. (1987). *Tafsir al-Azhar*. Jakarta: PT Pustaka Panjimas.
- Harun Nasution. (1986). *Teologi Islam: Aliran-aliran Sejarah Analisa Perbandingan*. Jakarta: UI-Press.
- Hasan Ibrahim Hasan. (2006). *Sejarah dan Kebudayaan Islam I*. Jakarta: Kalam Mulia.
- Ibn al-Athir, Abu al-Hasan 'Ali ibn Muhammad al-Shaybani. (1987). *al-Kamil fi al-Tarikh*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Kathir. Abu al-Fida' al-Hafiz. (1998). *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Juz 7. al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Ikrom Shaliadi. (2015). Khawarij: Arti, Asal-Usul, Firqah-Firqah, dan Pendapatnya. *Islamuna*. 2(1),16-28.
- Ita Rostiana. (2009). Dukungan 'Ali bin Abi Thalib terhadap Dakwah Rasulullah. *Jurnal Dakwah*. X(2),119-142.
- Khalid Muhammad Khalid. (2005). *The successors of the Messenger*. Muhammad Mahdi al-Sharif (Trans.). Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- al-Khani, Ahmad. (t.th). *Ringkasan Bidayah wa Nihayah*. Jakarta: Pustaka as-Sunnah.
- al-Khattab, Nasiruddin. (2010). *'Ali b Abi Talib 2 Vols*. Saudi Arabia: International Islamic Publishing House.
- Marzuki Mahmood. (1994). *Isu-isu Kontroversi dalam Sejarah Pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Mas'udi, Abu al-Hasan 'Ali ibn ibn al-Husayn ibn Ali. (1966). *Muruj al- Dhahab wa Ma'adin al-Jawhar*. Juz 1. al-Qahirah: Kitab at-Tahrir.
- al-Nadwi, Abu al-Hasan Ali. (1991). *The Life of Caliph 'Ali*. Lucknow: Academy of Islamic Research and Publications.
- Nurazmallail Marni. (2003). Peristiwa Tahkim antara 'Ali dan Muawiyah (Tahun 36 Hijrah): Suatu Kajian dan Pengajaran. *Jurnal Teknologi*. 38(E),75-92.
- Pay, Salih. (2015). The Journey of Caliphate from 632 to 1924. *International Journal of Business and Social Science*. 6(4),107-117.
- al-Quraybi, Ibrahim. (2009). *Tarikh Khulafa*. Terj. Jakarta: Qisthi Press.
- Redha, Mohammad. (1999). *Imam 'Ali Ibn Abi Taleb The Fourth Caliph*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.

- al-Salabi, 'Ali Muhammad. (t.th). *Asmal Matalib fi Sirah Amir al-Mu'minin 'Ali ibn Abi Talib Shakhsiyah wa 'Asruh*. Bayrut: Dar al-Ibn Kathir.
- al-Shahrastani, Muhammad ibn Abdul Karim. (2006). *al-Milal wa al-Nihal*. Terj. Surabaya: Ibna Ilmu.
- al-Suyuti, Jalal al-Din. (1988). *Tarikh Khulafa'*. Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad ibn Jarir. (1988). *Tarikh al-Umam wa al-Muluk*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Tarikuddin Hassan. (2010). *Sejarah 4 Khalifah*. Johor: Perniagaan Jahabersa.
- Watt, W. Montgomery. (1999). *The Formative Period of Islamic Thought*. Sukoyo, Zainul Abas, Asyabudin (Terj.). Yogyakarta: Tiara Wacana Yogyo.
- Yunus, Moch. (2016). Konsepsi Politik Islam Klasik (Suksesi Kepemimpinan Muhammad SAW dan Khulafa' Ar-Rasyidin). *Palapa, Jurnal Studi Keislaman dan Ilmu Pendidikan*. 5(2),72-84.
- Zaidah Mohd Nor, Zalinah Mohd Nor, Ahmad Nasir Mohd Yusoff & Haris Yunus. (2005). *Sejarah Tamadun Islam Ibn Kathir*. Jil. 7. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainudin Muhamdi & Abd Mustaqim. (2008). *Studi Kepemimpinan Islam*. Semarang: Putra Mediatama Press.